

71

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 12 MAC 2018

RUJUKAN : 10555

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan-tindakan akan diambil terhadap Persatuan Kebajikan Komuniti Tanjong yang didapati menjalankan skim rondaan bersifat kepolisan serta menjualkan walkie-talkie kepada ahli-ahlinya secara meluas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menerima sebarang aduan atau laporan terhadap Persatuan Kebajikan Komuniti Tanjung berhubung salah laku atau pelaksanaan aktiviti pertubuhan yang menyerupai peranan pihak berkuasa. Dalam hal ini, KDN menyeru kepada orang ramai untuk melaporkan terus ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) sekiranya terdapat maklumat berhubung salah laku atau aktiviti tidak wajar yang dilakukan oleh mana-mana pertubuhan berdaftar agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

Kementerian ini tidak menghalang aktiviti rondaan yang bertujuan meningkatkan tahap keselamatan komuniti setempat memandangkan ia boleh memupuk rasa kebertanggungjawaban individu terhadap masyarakat.